

PRAKTIS FORMATIF – SOALAN SUBJEKTIF**BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI****Soalan 1**

Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Azimin Sdn. Bhd.


Syarikat Azimin Sdn. Bhd bercadang mengeluarkan kasut sukan dan beg sukan. Namun begitu, syarikat tersebut menghadapi masalah kekurangan modal untuk mengeluarkan kedua-dua barang tersebut.

Bagaimanakah Syarikat Azimin Sdn. Bhd. menyelesaikan masalah ekonomi tersebut? [5 markah]

Syarikat Azimin Sdn. Bhd menghadapi masalah _____ iaitu buruh, tanah, modal dan usahawan. Syarikat Azimin Sdn. Bhd terpaksa membuat _____ sama ada mengeluarkan kasut sukan atau beg sukan untuk _____. Sekiranya Syarikat Azimin Sdn. Bhd memilih mengeluarkan kasut sukan, maka _____ ialah beg sukan. Beg sukan adalah _____.

Soalan 2

Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik **W**. [3 markah]

Titik **W** terletak di _____. Pada titik **W**, berlaku masalah _____ kerana ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran dengan sepenuhnya. Pada kombinasi **W** juga berlaku masalah _____ dan _____.

Soalan 3

Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri bagi dua buah negara.

Negara X	Negara Y
Semua keputusan ekonomi dibuat oleh individu dan pihak swasta	Rakyat tidak bebas memilih barangan tetapi kebajikan mereka terjaga.

Tentukan sistem ekonomi yang diamalkan di Negara X dan Negara Y.


Berikan **dua** ciri lain selain yang dinyatakan di atas.

[6 markah]

Negara X mengamalkan _____ manakala Negara Y mengamalkan _____. Ciri lain bagi Negara X ialah individu dan pihak swasta _____ iaitu buruh, tanah, modal dan usahawan. Selain itu, individu dan pihak swasta juga _____ barang dan perkhidmatan bagi memaksimumkan kepuasan / keuntungan. Ciri lain bagi Negara Y ialah semua _____ adalah milik mutlak kerajaan. Selain itu, segala keputusan ekonomi berkaitan masalah asas ekonomi diselesaikan oleh _____.

BAB 2 : PASARAN**Soalan 4**

Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Berdasarkan rajah di atas, terangkan pergerakan dari titik Y ke titik Z.

[5 markah]

Pergerakan dari titik Y ke Z dikenali sebagai _____ permintaan kerana berlakunya perubahan dalam _____ yang disebabkan oleh perubahan _____ itu sendiri. Faktor-faktor lain adalah _____ / ceteris paribus. Harga barang itu _____ menyebabkan kuantiti diminta _____. Ini menunjukkan berlaku pergerakan titik di _____ keluk permintaan yang sama.

Soalan 5

Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum penawaran.

[5 markah]


Hukum _____ menyatakan semakin _____ harga, semakin banyak kuantiti ditawarkan sebaliknya semakin rendah harga, semakin _____ kuantiti ditawarkan dengan andaian ceteris paribus. Ini menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti ditawar adalah _____.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
1	
	10
3	

Berdasarkan jadual di atas, apabila harga _____ dari RM2 ke RM3, kuantiti ditawar _____ dari 10 unit kepada 15 unit. Sebaliknya apabila harga _____ dari RM2 ke RM1, kuantiti _____ jatuh dari 10 unit kepada 5 unit. Ini menunjukkan hubungan yang _____ antara harga dan kuantiti ditawarkan.

Soalan 6

Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan pasaran (DpDp) dan keluk penawaran pasaran (SpSp) bagi basikal jenama Cergas. [6 markah]



Jelaskan keadaan pasaran apabila harga dicapai pada:

(a) **RM280**

[3 markah]

Pada tingkat harga RM280, kuantiti _____ ialah 50 unit manakala kuantiti ditawar ialah _____ unit. Pasaran menunjukkan berlaku _____ permintaan sebanyak _____ unit (50 - 30). Oleh itu harga cenderung _____.

(b) **RM350**

[3 markah]

Pada tingkat harga RM350, kuantiti diminta ialah ____ unit manakala kuantiti _____ ialah 50 unit. Pasaran menunjukkan berlaku lebihan _____ sebanyak 20 unit (50 - ____). Oleh itu, harga cenderung _____.

BAB 3 : PENDAPATAN INDIVIDU

Soalan 7

Gambar di bawah berkaitan dengan fungsi wang.

Bermula RM 79, 200.00 !!!

Tempoh pinjaman sehingga 9 tahun

Ansuran bulanan: RM 900.00



Jelaskan **tiga** fungsi wang yang terlibat.

[6 markah]

Wang dijadikan sebagai ____ Barangan jualan mempunyai harga yang dinyatakan dalam sebutan harga atau ____ . Contohnya, harga sebuah kereta ialah ____ Selain itu, ____ yang melibatkan urus niaga jualan secara ____ membolehkan individu membayar secara ____.

Soalan 8

Maklumat di bawah berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan oleh En Suwardi.

En Suwardi tinggal di Tanjung Aru, Sabah. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaysia Sabah. Beliau telah menerima tawaran sebagai Pegawai Eksekutif di Bank Negara Malaysia bertempat di Kota Kinabalu, Sabah. Gaji yang ditawarkan adalah lumayan.

Pada pendapat anda, apakah faktor En Suwardi memilih pekerjaan tersebut?

[5 markah]

Faktor-faktor yang mempengaruhi En Suwardi memilih pekerjaan tersebut ialah ____ . Gaji yang ditawarkan adalah lebih ____ Selain itu, ____ yang dekat juga mempengaruhi pemilihan pekerjaan. Ini telah ____ masa ke tempat kerja dan ____ pengangkutan.

Soalan 9

Gambar di bawah menunjukkan kemudahan perbankan internet yang digunakan oleh bank perdagangan di Malaysia.




Pada pendapat anda, mengapakah kebanyakan pengguna sekarang lebih gemar menggunakan perbankan internet? [6 markah]

Kebanyakan pengguna sekarang lebih gemar menggunakan perbankan internet kerana pengguna _____ ke bank atau institusi kewangan. Ini dapat _____ kesesakan di bank atau institusi kewangan. Pengguna boleh menggunakan komputer atau _____ di mana-mana dan bila-bila masa sahaja. Pengguna hanya perlu mempunyai sambungan _____ untuk membuat transaksi dengan akaun bank. Perbankan internet juga menawarkan pelbagai _____ seperti pemindahan duit dan membeli barang atas talian. Penggunaan perbankan internet _____ mengikut peredaran zaman.

BAB 4 : PENGELUARAN**Soalan 10**

Gambar di bawah menunjukkan dua jenis input bagi pengeluaran kek berlapis Margarita.



Gambar 1



Gambar 2

Jelaskan kos-kos yang terlibat akibat penggunaan input-input di atas. [6 markah]

Kos yang terlibat akibat penggunaan input-input di atas ialah kos _____ dan kos _____. Kos berubah adalah kos terhadap penggunaan input berubah. Ianya tidak wujud pada output _____. Contoh kos berubah adalah bahan mentah seperti _____, telur dan gula.

Manakala kos tetap adalah kos terhadap penggunaan input tetap. Wujud walaupun output _____ . Contoh kos tetap adalah mesin seperti _____

Soalan 11

Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu masalah alam sekitar.

Masalah kesihatan terhadap perokok tegar dan masalah sampah akibat pembuangan puntung rokok di merata tempat merupakan beberapa kos sosial daripada tabiat merokok.

Jelaskan lima langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kos sosial tersebut. [5 markah]

Kerajaan boleh mengurangkan kos sosial tersebut adalah dengan _____ cukai ke atas rokok. Selain itu kerajaan juga boleh menambahkan zon _____ merokok di tempat awam. Seterusnya kerajaan juga boleh mengadakan kempen _____ rokok. Langkah yang keempat adalah kerajaan boleh meningkatkan jumlah amaun _____ kepada perokok dibawah umur. Langkah terakhir yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah menukarkan had umur merokok daripada 18 tahun kepada _____ tahun.

Soalan 12

Berikan definisi eksternaliti, kos sosial dan faedah sosial. [5 markah]

Eksternaliti ialah _____ yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang dan _____. Kos sosial ialah kos kepada pihak _____ yang tidak termasuk dalam harga _____. Faedah sosial pula ialah faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan _____.

BAB 5 : EKONOMI DAN KERAJAAN

Soalan 13

Bagaimanakah kerajaan mengawal selia pengeluar bagi mengelakkan eksploitasi pengguna? [5 markah]

Kerajaan mengawal selia pengeluar dengan cara memberi _____ kepada pengeluar bagi mengurangkan _____ untuk mengelakkan harga barang dan perkhidmatan _____. Selain itu, kerajaan juga boleh mengishtiharkan sesetengah barang sebagai barang _____ seperti _____, _____. Harga barang kawalan tidak boleh _____ atau _____ sesuka hati penjual tanpa kebenaran kerajaan. Kerajaan juga boleh mengenakan _____ ke atas barang yang merbahayakan kesihatan dan keselamatan rakyat. Akhir sekali kerajaan boleh melaksanakan dasar harga _____ dan dasar harga _____.

Soalan 14

Jelaskan kesan apabila sesebuah negara mencapai guna tenaga penuh. [5 markah]

Apabila sesebuah negara mencapai guna tenaga penuh kadar pengangguran adalah dibawah _____. Ini akan memberi kesan iaitu _____ individu akan meningkat. Seterusnya _____ dan _____ rakyat juga akan meningkat. Ini akan menyebabkan jumlah _____ firma juga meningkat dan _____ dapat ditingkatkan. Tingkat _____ negara juga akan meningkat dan _____ ekonomi akan berlaku.

Soalan 15

Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Salman: Dah hampir tiga bulan saya kehilangan kerja gara-gara Covid-19.
Johan: Saya pula dah lama tamat belajar tapi masih belum menerima apa-apa tawaran

Jelaskan jenis pengangguran yang dihadapi oleh Salman dan Johan. [5 markah]

Jenis pengangguran yang dihadapi oleh Salman ialah _____. Ia berlaku apabila keadaan ekonomi yang _____. Firma _____ pengeluaran dan buruh terpaksa _____. Johan pula mengalami _____. Pengangguran ini merupakan pengangguran jangka _____. Ia disebabkan kerana pekerja kurang mendapat _____ tentang _____.

BAB 6 : MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL**Soalan 16**

Maklumat di bawah berkaitan dengan globalisasi.

Globalisasi dijangka akan meningkat di Malaysia dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Jelaskan faktor perangsang yang menyebabkan berlakunya globalisasi. [5 markah]

Antara faktor perangsang yang menyebabkan berlakunya globalisasi ialah _____ dapat meningkatkan barang dan perkhidmatan. Selain itu, _____ dapat dilakukan dengan cepat dan mudah. Sementara itu, _____ seperti mel elektronik dan sidang video memudahkan proses komunikasi. Seterusnya, _____ yang lebih cepat dan murah melalui udara, kereta api dan jalan raya. Akhir sekali, pelbagai _____ seperti pelepasan cukai dan taraf perintis telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menarik minat syarikat multinasional dari negara lain.

Soalan 17

Pada pendapat anda, apakah cara yang boleh digunakan bagi mengatasi imbalan pembayaran defisit. [6 markah]

Pada pendapat saya, cara yang boleh digunakan bagi mengatasi imbalan pembayaran defisit ialah meningkatkan _____ kerajaan dalam kemudahan dan infrastruktur. Selain itu, imbalan pembayaran defisit boleh diatasi dengan mengurangkan _____ dan meningkatkan _____ terhadap eksport barang dan perkhidmatan. Sementara itu, pengenaan _____ dapat meningkatkan permintaan barang tempatan. Seterusnya, meningkatkan pelaburan _____ melalui pelepasan cukai, subsidi eksport dan kelonggaran keperluan _____ untuk pelancong.

Soalan 18

Maklumat di bawah berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa.

Sekatan perdagangan antarabangsa banyak mendatangkan keburukan terhadap negara.

Jelaskan.


[5 markah]

Sekatan perdagangan antarabangsa banyak mendatangkan keburukan terhadap negara kerana boleh mewujudkan masyarakat _____ iaitu individu mementingkan _____ dan mencari kekayaan tanpa batasan. Selain itu, situasi tersebut boleh mewujudkan _____ ekonomi. Seterusnya, berlaku turun naik _____ pasaran akibat perubahan permintaan dan penawaran terhadap barang. Akhir sekali, jurang _____ antara golongan kaya dengan miskin menjadi semakin banyak.

PRAKTIS FORMATIF – KERTAS 2 (BAHAGIAN A)
SOALAN STRUKTUR

1. (a) Berikan tarif ilmu ekonomi [3 markah]

(b) Rajah berikut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik Y. [4 markah]

(c) Jelaskan usahawan sebagai sumber ekonomi dalam proses pengeluaran. [4 markah]

(d) Persaingan yang adil dan saksama antara individu wujud dalam sistem ekonomi Islam. Jelaskan. [5 markah]

(e) Jadual berikut menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan bagi dua buah projek.

Projek tebatan banjir Sungai Pari	Kompleks Sukan Komuniti Taiping
RM 3.2 juta	RM 3.25 juta

Kerajaan tidak mampu membina kedua-dua projek tersebut serentak kerana peruntukan yang ada hanya RM4 juta.

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

1. (a) Peristiwa di bawah berkaitan dengan pasaran ayam proses.

Semenjak bulan Ramadhan harga ayam masih lagi tinggi dan dijangkakan berterusan.

Selain daripada faktor di atas, terangkan faktor yang menentukan permintaan ayam proses di kalangan pengguna. [6 markah]

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

.....

(b) Berikut adalah rajah keseimbangan pasaran bagi suatu barangan



Jelaskan keadaan pasaran apabila harga lebih rendah daripada P_0 .

[4 markah]


.....

.....

.....

.....

(c) Rajah di bawah menunjukkan dua bentuk keluk permintaan



Jelaskan perbezaan kedua-dua rajah di atas

[4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(d) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang kegunaan harian isi rumah



Barang A



Barang B

(i) Huraikan perbezaan keanjalan kedua-dua jenis barang di atas [4 markah]

.....

.....

.....

.....

(ii) Jelaskan strategi yang harus dilakukan oleh pengeluar barang A untuk meningkatkan permintaan dan memaksimumkan keuntungan [2 markah]

.....
.....
.....

2. (a) Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara dua orang sahabat.



(i) Mengapakah pertukaran barang antara Kamal dan Roslan tidak berlaku? [4 markah]

.....
.....
.....
.....

(ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah masalah di (i) boleh diselesaikan? [2 markah]

.....
.....
.....

(b) Gambar di bawah menunjukkan suatu iklan motosikal.



Harga tunai : RM 14 000
Bayaran Ansuran : RM 1 300 (selama 14 bulan)

Jelaskan dua fungsi wang yang ditunjukkan dalam iklan di atas. [4 markah]

.....
.....
.....
.....

(c) Gambar di bawah menunjukkan logo sebuah institusi kewangan bank di Malaysia.



(i) Apakah institusi kewangan di Malaysia yang menggunakan logo di atas? [1 markah]

.....

(ii) Jelaskan tiga fungsi institusi kewangan bank tersebut. [6 *markah*]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(d) Jelaskan bagaimana bank pusat memainkan peranan sebagai jurubank kepada bank perdagangan. [3 *markah*]

.....
.....
.....

3. (a) Jelaskan konsep input dalam pengeluaran jangka pendek. [2 *markah*]

.....
.....

(b) Gambar berikut menunjukkan dua jenis input yang digunakan dalam pengeluaran jangka pendek.



(i) Kenal pasti jenis input A dan input B. [2 *markah*]

.....

.....

.....

.....

(ii) Bandingkan kedua-dua input tersebut. [6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(c) Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek Firma XY.

Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran sut (unit)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	40	20	30
3	80	P	40
4	140	35	60
5	190	38	50
6	Q	35	20
7	210	30	0
8	200	25	R

(i) Hitungkan nilai P, Q dan R. [6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

Jelaskan hubungan antara buruh dengan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut pada bilangan buruh berikut :

(ii) a) 0 hingga 4 [2 markah]

.....
.....
.....
.....

b) 5 hingga 8 [4 markah]

.....
.....
.....
.....

4. (a) (i) Nyatakan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi. [3 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(ii) Takrifkan barang awam. [2 markah]

.....
.....
.....

(b) Jelaskan dua objektif makroekonomi negara. [5 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(c) Jelaskan jenis inflasi berikut:

(i) Inflasi tarikan permintaan. [3 markah]

.....
.....
.....

(ii) Inflasi diimport. [2 markah]

.....
.....
.....

(d) Mengapakah syarikat berikut dikategorikan sebagai firma kerajaan yang mempunyai ciri monopoli semulajadi. [5 markah]



.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

5. Jadual di bawah menunjukkan penunjuk ekonomi di Malaysia pada tahun 2014 hingga tahun 2016

Penunjuk Ekonomi Utama	Tahun		
	2014	2015	2016
Penduduk (juta orang)	30.7	31.2	31.7
Tenaga buruh (juta orang)	14.3	14.5	14.7
Guna tenaga (juta orang)	13.9	14.1	14.2
Pengangguran (% dari tenaga kerja)	2.9	3.1	3.4
KDNK pada harga malar 2010(RM bilion)	1012.4	1063.4	1108.2
KDNK pada harga malar 2010 (% perubahan)	6.0	5.0	4.2
Indeks harga pengguna (% perubahan)	3.2	2.1	2.1

(a) Bilakah Malaysia mencatat kadar inflasi yang paling tinggi. [1 markah]

.....

(b) Jelaskan hubungan antara indeks harga pengguna dengan inflasi. [4 markah]

.....

(c) Berikan tiga kesan peningkatan indeks harga pengguna kepada masyarakat.

[5 markah]

.....

(d) Berikan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti sesebuah negara.

[4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(e) Nyatakan kesan inflasi terhadap ekonomi dalam aspek berikut:

(i) Pendapatan benar isi rumah

[3 markah]

.....
.....
.....
.....

(ii) Kadar pengangguran

[3 markah]

.....
.....
.....
.....

6. (a) Jelaskan maksud globalisasi.

[2 markah]

.....
.....
.....

(b) Jelaskan faktor yang mendorong syarikat multinasional terlibat dalam operasi antarabangsa.

[6 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(c) Logo berikut berkaitan dengan sebuah syarikat yang membekalkan elektrik di Malaysia.



Mengapakah kerajaan berperanan sebagai pengeluar tunggal dalam menyediakan perkhidmatan tersebut. [6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan insentif percukaian di Malaysia.

Kerajaan Malaysia menyediakan empat jenis insentif percukaian untuk menggalakkan pelaburan asing di Malaysia. Antara insentifnya ialah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula dan pengecualian duti import.

Selain yang dinyatakan di atas, jelaskan empat cara lain kerajaan menggalakkan globalisasi.

[6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

7. (a) Maklumat di bawah berkaitan suatu jenis perdagangan.

- Kelonggaran dalam pegangan ekuiti asing
- Tarif diturunkan
- Kebebasan tenaga buruh dan pelaburan langsung asing ke negara lain

Mengapa wujudnya perdagangan di atas. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

(b) Mengapakah kerajaan Malaysia memberi perlindungan kepada industri muda tempatan? [5 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(c) Gambar di bawah menunjukkan suatu blok ekonomi



(i) Apakah tujuan perjanjian yang dibuat oleh blok ekonomi di atas [5 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(ii) Terangkan dua kesan positif perjanjian perdagangan [6 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

8. (a) Jadual berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan En. Syukur pada bulan Mei 2022.

	RM
Gaji	7 000
Elaun	900
KWSP	890
PERKESO	19
Zakat	140
Cukai Pendapatan	200

(i) Nyatakan maksud pendapatan boleh guna. [2 markah]

.....
.....

(ii) Hitungkan pendapatan boleh guna En. Syukur pada bulan tersebut. [7 markah]

.....
.....
.....
.....
.....

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi.

“ Kerajaan telah mendebitkan bantuan Pendidikan tinggi berjumlah RM 100 ke dalam Kad Diskaun Siswa yang dipegang oleh pelajar universiti dalam pelbagai bidang ”

(i) Nyatakan dan jelaskan jenis punca pendapatan di atas bagi pelajar universiti. [2 markah]

.....
.....

(ii) Pada pendapat anda, apakah tujuan kerajaan memberikan Kad Diskaun Siswa kepada pelajar university? Kemukakan alasan anda secara terperinci. [4 markah]

.....
.....
.....
.....

(iii) Kaum wanita sinonim dengan barang-barang kemas untuk perhiasan diri. Mengapakah kaum ibu lebih mementingkan makanan terlebih dahulu berbanding barang perhiasan diri? [5 markah]

.....
.....
.....
.....
.....

9. (a) Dengan contoh yang sesuai, nyatakan maksud tiga jenis imbalan dagangan dalam ekonomi. [6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(b) Jadual di bawah menunjukkan nilai eksport dan import Negara Y pada suatu tahun.

Butir	Jumlah (RM juta)
Eksport barang perkilangan	430 051
Eksport komoditi utama	16 005
Import barang pengguna	55 555
Import barang perantaraan	15 153

Berapakah nilai imbalan dagangan **Negara Y**? Tafsirkan kedudukan imbalan dagangan tersebut. [6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(c) Jadual berikut menunjukkan maklumat perdagangan antarabangsa bagi Negara X dalam tempoh setahun.

Eksport/Import	RM (Juta)
Eksport getah	750
Eksport kayu balak	500
Import mesin	300
Import alat ganti	350
Urusniaga kerajaan	-90
Tambang dan insurans	-690
Perjalanan	-40
Pendapatan bersih	-50
Pelancongan	240
Pindahan bersih	-130

Hitungkan:

(i) Imbangan dagangan

[3 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(ii) Imbangan perkhidmatan

[3 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

(iii) Imbangan akaun semasa

[2 markah]

.....

.....

.....

.....

10. (a) (i) Nyatakan maksud eksport dan import. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(ii) Nyatakan dua contoh eksport barang nampak dan import barang nampak. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(iii) Tafsirkan maksud imbangan pembayaran. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....

(iv) Jelaskan konsep lebih akaun semasa dan defisit akaun semasa. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(v) Terangkan dua implikasi lebih akaun semasa. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

11. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan pertukaran asing antara Ringgit malaysia dengan Dollar Amerika Syarikat.

Unit	Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1	US Dollar	4.4250	4.4290

Hitung kadar pertukaran asing berdasarkan maklumat di atas.

(i) Encik Robert dari Amerika Syarikat telah mengimport barang elektronik yang bernilai USD42 000 dari sebuah firma di Malaysia. Berapakah jumlah mata wang Ringgit malaysia yang diperlukan oleh pengimport tersebut untuk membuat bayaran kepada pengeksport di Malaysia? [2 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(ii) Seorang pengimport dari Malaysia telah mengimport barangan sukan yang bernilai RM624 000. Berapakah jumlah dollar yang diperlukan untuk membuat bayaran? [2 markah]

.....
.....
.....
.....
.....

(iii) Mengapakah sesebuah negara perlu memiliki mata wang negara lain? [6 markah]

.....
.....
.....
.....
.....

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran antara US Dollar dengan Ringgit Malaysia pada 2017 dan 2018.

2017



=



2018



=



(i) Tentukan keadaan kadar pertukaran pada tahun 2018 berbanding tahun 2017

[4 markah]

.....
.....
.....
.....

(c) Berdasarkan jawapan pada (d)(i), jelaskan kesan tersebut terhadap:

(i) Eksport Malaysia

[3 markah]

.....
.....
.....
.....

(ii) Import Malaysia

[3 markah]

.....
.....
.....
.....

PRAKTIS FORMATIF : KERTAS 2 (BAHAGIAN B)**CONTOH SOALAN 1**

Maklumat berikut berkaitan dengan permintaan satu barang dalam ekonomi.



Peugeot 3008 menang Kereta Terbaik 2018

Kenderaan utiliti sukan (SUV) Peugeot 3008 telah memenangi Anugerah Kereta Terbaik Tahun 2018 anjuran Institut Automotif Malaysia (MAI) di Kuala Lumpur.

Sebagai SUV yang terkenal di seluruh dunia, SUV Peugeot 3008 telah menerima lebih 60 anugerah antarabangsa dan penghargaan serta 430,000 unit telah dijual di seluruh dunia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (Kumpulan Automotif) Naza Corporation Holdings, Datuk Samson Anand George, ciri-ciri keselamatan yang canggih, gaya dan keselesaan, dilengkapi dengan teknologi Peugeot i-Cockpit, menjadikan SUV itu sebagai pilihan luar biasa dalam segmen SUV dan tentunya amat dicari dalam pasaran.

Sumber : Ubah suai Berita Harian, 6 Disember 2018

Adam merupakan pelajar lepasan universiti dan baru sahaja mendapat pekerjaan dengan gaji RM 2400 sebulan. Dia membuat keputusan untuk membeli kereta tersebut.

Bincangkan tindakan yang sepatutnya diambil oleh Adam sekiranya beliau masih mahu meneruskan pembelian kereta tersebut. [9 markah]

Untuk soalan “bincangkan”, calon wajib jawab dalam dua sisi iaitu menyatakan tentang kebaikan dan keburukan sesuatu topik yang ditanya.

PANDUAN JAWAPAN

SISI 1

- Perlu menyediakan belanjawan peribadi
- Perlu menyenaraikan semua perbelanjaan yang terlibat
- Perbelanjaan perlu disusun mengikut keutamaan
- Perlu mendahulukan perkara yang penting.
- Perlu membuat penyesuaian perbelanjaan mengikut pendapatan
- Contoh : nyata belanjawan peribadi
- Pendapatan tambahan diperolehi
- Menyimpan / menabung di institusi kewangan
- Menerima faedah / dividen
- Membuat pelaburan
- Melabur dalam pembelian unit saham / saham amanah / emas
- Menerima keuntungan atas modal / dividen
- Membuat kerja sampingan/ kerja lain/ lebih dari satu pekerjaan
- Membuka gerai jualan dan lain-lain
- Mendapat upah / keuntungan
- Dapat membantu membayar deposit / menampung bayaran ansuran / mempercepatkan capai impian

SISI 2

- Kepuasan tidak tercapai / tidak dapat memaksimumkan kepuasan
- Memerlukan jangka masa lama untuk mencapai impian.
- Tidak dapat meningkatkan status / imej
- Menjejaskan kerja hakiki
- Tidak dapat berehat / penat
- Menjejaskan produktiviti.
- Mengehadkan masa bersama keluarga dan rakan
- Menjejaskan kesihatan serta mudah mendapat tekanan emosi untuk mengejar impian.

CONTOH JAWAPAN:

Sekiranya Adam masih mahu meneruskan pembelian kereta tersebut, dia perlu sentiasa berjimat cermat. Adam boleh membuat belanjawan peribadi untuk mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaannya supaya ada wang lebihan untuk beli keretat tersebut.

Selain itu, Adam boleh bekerja sampingan dengan membuat perniagaan atas talian. Contohnya, menjual baju atas talian. Supaya Adam dapat pendapatan sampingan untuk meringankan beban.

Seterusnya, Adam boleh juga melakukan pelaburan. Contohnya, pelaburan logam, hartanah, emas dan saham syarikat. Pelaburan dapat membawa untung yang tinggi kepada Adam tetapi pada masa yang sama pelaburan mempunyai risiko yang tinggi.

Tambahan pula, Adam boleh simpan wang di akaun simpanan tetap di bank perdagangan supaya boleh dapat kadar faedah simpanan. Adam juga boleh memohon pinjaman kenderaan di bank perdagangan supaya meringankan beban.

Berdasarkan jawapan di atas, pelajar hanya berjaya mendapat markah Tahap 2 = 6 markah sahaja kerana jawapan hanya 1 sisi.

CONTOH SOALAN 2

Petikan berikut berkaitan dengan inflasi.

 <p>Antara jenis sayuran yang mengalami kenaikan harga ialah kubis bunga, brokoli, sawi pendek, kubis, cili merah, cili hijau. Foto Bernama</p>	<p>Kuala Selangor – Kerajaan Persekutuan diminta mengurangkan kebergantungan import bahan mentah dari luar negara yang menjadi punca harga sayuran dan barang melambung tinggi. – <i>Sumber: diubahsuai daripada sinarharian.com.my</i></p>
--	---

Adakah anda bersetuju sekiranya kerajaan mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa untuk mengatasi keadaan ekonomi di atas? Berikan alasan anda. [9 markah]

PANDUAN JAWAPAN:**Setuju**


- Meningkatkan hasil kerajaan
- tarif dikenakan oleh kerajaan
- Cukai dikenakan terhadap barang import lain
- Peningkatan ke atas harga barang import tersebut
- Penurunan terhadap permintaan barang import
- Meningkatkan DD barang pengganti keluaran tempatan.
- Kerajaan mengenakan kuota
- kuantiti barang import lain dihadkan
- Pengurangan terhadap penawaran barang import
- Kestabilan tingkat harga barang keluaran negara
- Dapat mengatasi inflasi diimport.

Tidak setuju

- barangan import menjadi kurang
- Tidak dapat memenuhi permintaan barang tempatan
- Mengehadkan pilihan pengguna
- Harga barang keluaran tempatan lebih murah
- Tingkat harga umum tidak berubah
- Penggantian produk import iaitu produk tempatan meningkat

CONTOH JAWAPAN:

Saya **bersetuju** sekiranya kerajaan mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa bagi mengatasi keadaan ekonomi di atas. Sekatan perdagangan antarabangsa seperti **tarif dapat dijadikan hasil kepada kerajaan**. Ini boleh dibuktikan melalui keluk di bawah.



Berdasarkan rajah, sebelum perdagangan antarabangsa keluk permintaan (D_0D_0) bersilang dengan keluk penawaran (S_0S_0) di mana titik keseimbangan asal di capai pada E_0 . Harga keseimbangan asal ialah P_0 dan kuantiti keseimbangan asal ialah Q_0 . Jumlah kuantiti penawaran barang dalam negara adalah sebanyak $0Q_0$. Apabila perdagangan antarabangsa berlaku, maka penambahan penawaran barang berlaku. Ini dapat ditunjukkan di mana Keluk S_0S_0 beralih ke kanan menjadi S_1S_1 . Keluk permintaan (D_0D_0) akan bersilang dengan keluk penawaran yang baru iaitu (S_1S_1). Dengan ini keluk keseimbangan baru di capai pada titik E_1 . Harga keseimbangan barang turun ke P_1 manakala kuantiti keseimbangan

barang bertambah ke Q_4 . Jumlah penawaran barang ialah OQ_4 di mana penawaran barang tempatan sebanyak OQ_1 dan barang import sebanyak Q_1Q_4 . Seterusnya, apabila sekatan perdagangan antarabangsa berlaku, keluk penawaran barang akan beralih kekiri dari S_1S_1 ke S_2S_2 . Keluk D_0D_0 akan bersilang dengan keluk S_2S_2 . Titik keseimbangan yang baru di capai pada titik E_2 . Harga keseimbangan akan meningkat ke P_2 dan kuantiti keseimbangan akan berkurang ke Q_3 . Dengan ini, jumlah penawaran barang dipasaran adalah sebanyak OQ_3 . Kuantiti keluaran tempatan adalah sebanyak OQ_2 manakala kuantiti penawaran import sebanyak Q_2Q_3 . Ini menunjukkan hasil kerajaan adalah sebanyak AE_2GH .

Oleh itu, **hasil kerajaan dapat dijadikan sebagai bantuan subsidi** kepada pengeluar tempatan. Ini akan dapat meningkatkan modal dan dapat **meningkatkan tingkat teknologi** kepada pengeluar tempatan. Hal ini dapat **meningkatkan produktiviti** keluaran dalam negara. Maka **kos pengeluaran dapat diturunkan** dan harga barang keluaran tempatan dapat diturunkan. Barang keluaran tempatan juga dapat ditingkatkan kualitasnya hasil daripada peningkatan tingkat teknologi. Ini akan meningkatkan permintaan barang keluaran tempatan sekaligus boleh menyebabkan firma mengambil lebih pekerja. Dengan ini, pendapatan penduduk akan meningkat dan inflasi berjaya di atasi.

SOALAN 3

- a) Keadaan guna tenaga penuh boleh memberi kebaikan kepada ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

SOALAN 4

Maklumat berikut berkaitan dengan industri automotif negara.

KUALA LUMPUR - Industri automotif negara perlu dilindungi : Kerajaan akan melaksanakan kajian semula Dasar Automotif Negara (NAP) bertujuan melindungi industri terbabit agar kekal kompetatif. Perdana Menteri berkata kajian itu meliputi pembangunan industri automotif tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta peningkatan eksport. Kebanyakan negara pengeluar kereta mempunyai dasar dalam sekatan import kenderaan asing.

Sumber: Ubahsuai BH Online, 30 Julai 2018

- a) Tindakan kerajaan telah memberi kesan terhadap ekonomi secara keseluruhan. Bincangkan. [9 markah]

SOALAN 5

Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan langsung asing (FDI).

KUALA LUMPUR – Kerajaan Berhati-hati Luluskan FDI dari China: Kerajaan mengambil langkah berhati-hati dalam meluluskan pelaburan langsung asing (FDI) dari China untuk mengelakkan negara dilabel sebagai pusat pemindahan (transshipment point) bagi produk China untuk memasuki pasaran Amerika Syarikat.

Sumber: Petikan BH Online 11Disember 2018

- (a) Tindakan kerajaan meluluskan pelaburan langsung asing (FDI) memberi impak positif kepada masyarakat dan negara. Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Kemukakan alasan anda. [9 markah]

SOALAN 6

Maklumat di bawah ini berkaitan dengan caruman di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- Kerajaan mengurangkan kadar caruman minimum berkanun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja sebanyak 4%.
- Pekerja boleh memilih untuk mengekalkan kadar caruman bahagian pekerja pada kadar 11%.
- Pengurangan kadar caruman daripada 11% kepada 7% merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi kerajaan bertujuan mengurangkan kesan kegawatan ekonomi yang berpunca daripada wabak COVID-19.
- Kadar baharu itu akan berkuat kuasa pada 1 April 2020 sehingga akhir tahun ini.

[Sumber : diubah suai daripada FMT News, Februari 27, 2020]

(a) Adakah anda bersetuju dengan penurunan kadar caruman KWSP tersebut? Bincangkan.

[9 markah]

SOALAN 7

Maklumat di bawah berkaitan dengan harga kereta.

Harga kereta Perodua turun hingga 6.0 peratus mulai hari ini

KUALA LUMPUR: Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) menjadi syarikat automotif pertama menurunkan harga semasa model keluarannya.

(a) Ramalkan kesan eksternaliti akibat daripada penurunan harga kereta tersebut.

[9 markah]

SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN

PRAKTIS FORMATIF : SOALAN SUBJEKTIF

BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI

1. kekurangan faktor pengeluaran, pilihan, memaksimumkan keuntungan, kos lepas, barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
2. dalam Keluk kemungkinan Pengeluaran, ketidakcekapan pengeluaran, pengangguran, pembaziran
3. Sistem Ekonomi Pasaran Bebas, Sistem Ekonomi Perancangan Pusat, bebas memiliki faktor pengeluaran, bebas membuat keputusan, factor pengeluaran, kerajaan

BAB 2 : PASARAN

4. penguncupan, kuantiti diminta, harga barang, tetap, naik, menurun, sepanjang
5. penawaran, tinggi, kurang, positif
Naik, meningkat, turun, ditawarkan, positif

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
1	5
2	10
3	15

[3 markah untuk jadual]

[* Harga dan kuantiti ditawarkan mengikut Hukum Penawaran]

6. (a) RM280
Diminta, 30, lebihan, 20, naik.

(b) RM350
Ditawar, penawaran, 20 unit, naik.

BAB 3 : PENDAPATAN INDIVIDU

7. Alat ukuran nilai, nilai wang, RM79 200, alat bayaran tertunda, kredit/hutang, ansuran
8. Upah, lumayan, jarak, menjimatkan, kos
9. tidak perlu, mengurangkan, telefon pintar, internet, kemudahan, efisien

BAB 4 : PENGELUARAN

10. kos berubah, kos tetap, sifar, tepung, sifar, mesin pengisar
11. meningkatkan, larangan, anti rokok, denda, 21 tahun
12. kos, faedah, perkhidmatan, ketiga, pasaran.

BAB 5 : EKONOMI DAN KERAJAAN

13. subsidi, kos pengeluaran, meningkat, kawalan, minyak masak, tepung, dinaikkan, diturunkan, cukai, minimum, maksimum.
14. 4%, pendapatan, permintaan, taraf hidup, pengeluaran, keuntungan, pendapaatan, pertumbuhan.
15. pengangguran kitaran, lembab, mengurangkan, diberhentikan, pengangguran geseran, pendek,
maklumat, peluang pekerjaan.

BAB 6 : MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

16. teknologi, perniagaan, ICT, pengangkutan, inisiatif
17. pelaburan, import, permintaan, tarif, asing, visa
18. materialistik, kebendaan, ketidakstabilan, harga, pendapatan

SKEMA JAWAPAN :
PRAKTIS FORMATIF :
KERTAS 2 (BAHAGIAN A) : SOALAN STRUKTUR

1. [a]H1 merupakan satu bidang sains social [1m]
 H2 mengkaji cara manusia/tingkah laku manusia [1m]
 H3 menguruskan sumber ekonomi yang terhad [1m]
 H4 Kehendak manusia yang tidak terhad [1m]
[max 3m]
- [b]H1 Titik berada di dalam KKP [1m]
 H2 berlaku ketidakcekapan ekonomi, [1m]
 H3 ekonomi tidak mencapai guna tenaga penuh/,ekonomi mengalami
 Pengangguran [1m]
 H4 faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya [1m]
 H5 Berlaku pembaziran faktor pengeluaran, [1m]
 H6 tambahan pengeluaran dapat dilakukan tanpa melepaskan pengeluaran yang lain [1m]
 H7 tambahan pengeluaran barang Q dapat dilakukan tanpa melepaskan pengeluaran
 brg P [1m]
[max 4m]
- [c]H1 Individu yang menggabungkan/menyelaraskan factor pengeluaran yang
 lain/tanah/buruh/modal [1m]
 H2 mengeluarkan barang/perkhidmatan [1m]
 H3 memaksimumkan output/meminimumkan kos [1m]
 H4 bertujuan memaksimumkan keuntungan/ganjaran untung [1m]
 H5 perlu kreatif/inovatif [1m]
 H6 tidak mudah putus asa/bijak membuat keputusan/gigih/rajin [1m]
 H7 berani menghadapi risiko [1m]
 H8 bijak merebut peluang [1m]
 H9 bekerja sendiri [1m]
 H10 sumber ekonomi produktif [1m]
[max 4m]
- [d]H1 Individu/pihak swasta bebas mencari/memilih kekayaan [1m]
 H2 Aktiviti ekonomi tidak bertentangan dengan hukum Islam/Al-
 Quran/hadis/syariah/syarak [1m]
 H3 Pengguna/pihak pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi [1m]
 H4 Pengguna bebas memilih barang/perkhidmatan/pekerjaan yang ingin diceburi [1m]
 H5 pengeluar bebas bersaing/elak pembaziran/penindasan/penipuan [1m]
 H6 pengeluaran barang /perkhidmatan untuk memperolehi untung [1m]
 H7 kerajaan akan mengawal kebebasan pengguna/pengeluar melalui undang-
 undang/peraturan [1m]
 H8 Bantuan zakat membolehkan pengguna/pengeluar bersaing [1m]
[max 5m]
- [e]H1 Kerajaan menghadapi masalah kekurangan sumber hasil/hanya mempunyai
 Peruntukan [1m]
 H2 berbanding dengan kehendak yang tidak terhad [1m]
